

## PENGESAHAN LAFAZ CERAI DALAM KALANGAN GOLONGAN ORANG KURANG UPAYA (OKU) PENDENGARAN

**WARDATUL JANNAH MD ZULKIFLI**

Pelajar Sarjana

Universiti Islam Antarabangsa Selangor (UIS)

24MT21002@postgrad.uis.edu.my

**AZIZAH MOHD RAPINI**

Fakulti Syariah Dan Undang-undang

Universiti Islam Antarabangsa Selangor (UIS)

azizah@uis.edu.my

### ABSTRAK

Golongan Orang Kurang Upaya (OKU) pendengaran merupakan antara komuniti OKU yang sering tertinggal informasi berkaitan ilmu pengetahuan kekeluargaan disebabkan limitasi kaedah komunikasi serta akses kepada sebarang bentuk pendedahan. Walau bagaimanapun, OKU pendengaran yang telah melangkah ke dalam rumahtangga tetap tidak lari daripada diuji dengan konflik perkahwinan dan perceraian. Justeru itu, timbul persoalan dan kesamaran tentang bagaimana syariat Islam menyantuni permasalahan perceraian yang dialami oleh golongan ini terutama di dalam isu-isu berkaitan perceraian. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis sumber yang digunakan oleh hakim dalam pembuktian kes-kes berkaitan dengan pengesahan lafaz cerai dalam kalangan golongan OKU yang dibuat secara bahasa isyarat. Selain itu, kajian ini juga dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti setiap prosiding mahkamah syariah yang dijalankan terhadap pihak-pihak yang terlibat. Kajian ini merupakan kajian kualitatif melibatkan pengumpulan data secara kepustakaan dan analisis kandungan dokumen fiqh tradisional, kontemporari dan perundangan bertulis terutama undang-undang keluarga Islam. Kajian mendapat terdapat isu-isu berkaitan pengesahan lafaz cerai dalam kalangan OKU pendengaran terutama dari aspek pembuktian, status bahasa isyarat yang digunakan dan kaedah-kaedah fiqh yang boleh dirujuk untuk mengesahkan status lafaz cerai tersebut beserta prosedur-prosedur mahkamah berkaitan. Dapatkan kajian ini boleh dijadikan panduan dan rujukan kepada peguam syar'ie, mahkamah Syariah, organisasi kebajikan dan agensi kerajaan dalam membuat dasar dalam mendepani isu-isu OKU. Kajian lanjutan boleh mengambilkira elemen kajian lapangan yang bersifat kuantitatif dengan melibatkan populasi OKU dalam rangka untuk memahami realiti dan permasalahan pengesahan lafaz cerai melibatkan OKU dengan lebih terperinci.

**Kata Kunci:** pengesahan lafaz cerai, talaq, OKU pendengaran, prosiding, mahkamah Syariah

### PENGENALAN

Perceraian ialah salah satu jalan penyelesaian yang terakhir antara suami dan isteri untuk mengakhiri sesebutan perhubungan dalam rumahtangga. Perceraian bermaksud menamatkan hubungan perkahwinan sama ada dengan pilihan suami atau dengan keputusan qadhi atau hakim. (Noor Afiqah, 2021). Perceraian dari segi bahasa bermaksud berpisah. Dari segi istilah bermaksud keruntuhan hubungan perkahwinan dan terputusnya hubungan suami isteri dengan sebab perceraian (Mariam, 2020). Noorsaadah, (2019), merumuskan bahawa golongan OKU dilihat sebagai golongan yang memiliki kelemahan dan ketidakupayaan untuk melaksanakan kerja atau tugas seperti golongan normal. Begitu juga di dalam isu perkahwinan dan

perceraian, golongan OKU merupakan golongan yang menghadapi kesukaran dalam menyelesaikan masalah berkaitan kerana kesukaran dari segi komunikasi sama ada untuk menyampaikan atau menerima maklumat. Kajian ini akan menjelaskan tentang perceraian dalam kalangan OKU pendengaran khususnya dari aspek status lafaz serta prosiding berkaitan termasuklah isu-isu pembuktian untuk mengesahkan perceraian mereka. Golongan OKU pendengaran menjadi subjek kajian kerana golongan ini merupakan satu komuniti yang memerlukan sokongan dan semangat untuk melangsungkan kelanjutan hidup sama seperti golongan normal. Tidak semua perkataan atau istilah boleh diterjemahkan kepada bahasa isyarat yang standard dan efektif. Hakikatnya, komunikasi bahasa isyarat yang kurang efektif boleh mengakibatkan konflik rumahtangga sehingga mengakibatkan perceraian. Masalah ini jika tidak ditangani, maka boleh berlarutan sehingga ke peringkat prosiding mahkamah Syariah apabila pihak mahkamah kurang bersedia menyediakan keperluan khusus untuk memudahkan prosiding yang melibatkan pihak-pihak dalam kalangan OKU pendengaran (Azizah et al, 2022). Oleh itu, kajian ini merumuskan keperluan-keperluan khusus yang dipertimbangkan oleh mahkamah dalam mengesahkan pengesahan lafaz cerai dalam kalangan golongan OKU pendengaran.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kualitatif yang melibatkan perolehan data kepustakaan melalui artikel jurnal dan laporan kes-kes mahkamah syariah beserta statut yang berkaitan. Kajian ini melibatkan analisis kandungan dokumen berkaitan kaedah pembuktian dan pengesahan lafaz cerai terutama laporan bertulis isu-isu berkaitan dalam artikel jurnal dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) Tahun 2003.

## SOROTAN LITERATUR

Akta Orang Kurang Upaya (OKU) 2008 mendefinisikan OKU sebagai mereka yang mempunyai kekurangan jangka Panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan dalam masyarakat. Golongan OKU merupakan golongan yang dianggap rentan disebabkan keterbatasan keupayaan dan kekurangan sifat atau ciri fizikal dari pelbagai kategori OKU. Secara umumnya, OKU di Malaysia melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi tujuan pendaftaran OKU, telah dikategorikan melalui tujuh kumpulan utama (Garis Panduan Pendaftaran Orang Kurang Upaya (OKU) Pindaan 2019) iaitu:

- i. OKU Pendengaran – *bilateral hearing loss, single sided deafness (SSD)/Profound unilateral hearing loss*/tahap pendengaran sangat teruk, kecacatan telinga kekal/sindrom berkaitan telinga/sindrom berkaitan pendengaran serta lain-lain bentuk kecacatan/ketidakupayaan daya mendengar.
- ii. OKU Penglihatan - keupayaan penglihatan yang terhad di kedua-dua belah mata, buta di kedua-dua belah mata, buta di sebelah mata serta lain-lain bentuk kecacatan/ketidakupayaan daya mendengar.
- iii. OKU Pertuturan – keceliaruan pertuturan dan bahasa/keceliaruan komunikasi kompleks, keceliaruan motor pertuturan, keceliaruan suara, keceliaruan kelancaran pertuturan/kegagapan serta keceliaruan resonan/kesengauan pertuturan.

- iv. OKU Fizikal – *limb* (kehilangan separa atau sepenuhnya mana-mana anggota badan), spinal cord injury (kecederaan saraf tunjang akibat trauma/bukan trauma), kekurangan atau kehilangan fungsi secara tiba-tiba melibatkan pertuturan, otot, deria, kognitif atau lain-lain sebahagian tubuh badan akibat kekurangan oksigen atau pendarahan di dalam otak, kerdil (achon-droplasia), traumatic brain injury (kekurangan atau kehilangan fungsi secara tiba-tiba melibatkan pertuturan, otot, deria, kognitif atau lain-lain melibatkan sebahagian tubuh badan akibat kecederaan otak), cerebral palsy serta lain-lain bentuk/penyakit melibatkan ketidakupayaan fizikal.
- v. OKU Pembelajaran – *global developmental delay (GDD)*, *sindrom down*, *attention deficit hyperactivity disorder (ADHD)*, autism, kurang upaya intelektual, *dyslexia*, *dyscalculia* serta *dysgraphia*.
- vi. OKU Mental – *organic mental disorder* yang serius, *schizophrenia*, *schizotypal* dan *delisional disorder*, *mood disorder* dan *severe anxiety disorder*.
- vii. OKU Pelbagai – mempunyai lebih dari satu jenis ketidakupayaan.

Kajian-kajian lepas mendapati golongan OKU juga tidak dapat lari daripada krisis rumahtangga sehingga membawa kepada perceraian yang kebanyakannya berpunca daripada masalah komunikasi. Tidak dapat dinafikan bahawa komunikasi yang baik dan berkesan antara suami dan isteri memainkan peranan yang sangat penting dalam mengelakkan keretakan rumahtangga (Marziah et al, 2018). Masalah komunikasi di antara pasangan OKU boleh dan akan berlaku apabila pasangan OKU pendengaran berkahwin dengan pasangan normal. Pasangan tersebut akan berhadapan dengan risiko masalah komunikasi jika pasangan tidak mempelajari bahasa isyarat dan tidak memahami budaya komuniti pekak (Abdullah, 2017).

### **OKU Menurut Islam**

Setiap anak yang lahir itu adalah kurniaan Allah kepada kedua ibu bapanya, baik anak itu dilahirkan sempurna, mahupun sebaliknya. Pada masa yang sama, ibu bapa yang diuji dengan anak kurang upaya perlu sentiasa diingatkan bahawa anak-anak istimewa ini memerlukan perhatian yang lebih dari anak yang normal kerana jiwa mereka yang lebih sensitif. Tambahan lagi, ilmu agama perlu dititik beratkan oleh kedua ibu bapa agar mereka sentiasa berada di landasan yang betul tanpa berlaku sebarang kekeliruan dalam kehidupan pada masa akan datang (Siti Fatimah, 2000).

Islam juga amat menitik beratkan hak-hak golongan OKU dalam perkahwinan. Azman et al, (2018) dalam kajiannya yang lain telah merumuskan bahawa isu-isu munakahat atau hukum nikah kahwin golongan OKU perlu diberi perhatian dan kelonggaran terutama dari aspek tatacara dan syarat-syarat khusus. Beliau juga merumuskan bahawa terdapat lima isu berkaitan perkahwinan OKU pendengaran iaitu akad nikah, taklik, cerai dan rujuk yang mempunyai hukum yang tersendiri bergantung kepada situasi tertentu. Dalam kajiannya juga menyatakan setiap isu perlu dijelaskan dengan baik kerana ini akan memberikan impak yang besar kepada golongan khusus kepada golongan OKU pendengaran.

### **ANALISIS DAN PERBINCANGAN**

Islam tidak mensyaratkan lafaz cerai dijatuhkan oleh orang yang sempurna anggota. Oleh itu, jika lafaz cerai dijatuhkan oleh suami yang kurang upaya dari aspek pendengaran, pertuturan dan

fizikal, maka lafaz cerai tersebut itu sah kerana kecacatan tersebut tidak melibatkan kewarasan akalnya dan menghilangkan kelayakannya untuk menjatuhkan lafaz cerai. Namun, jika lafaz cerai dijatuhkan oleh orang yang gila, bodoh atau apa-apa jua penyakit yang mengganggu fungsi dan peranan otaknya, maka para fuqaha menyatakan bahawa lafaz cerai yang dijatuhkan itu tidak sah kerana kekurangan yang dialami itu melibatkan kewarasannya dan telah menghilangkan kelayakannya untuk menjatuhkan lafaz cerai kepada pasangan. Tambahan pula, akal ialah pusat taklif. Jika akal seseorang itu bermasalah, maka taklif tersebut akan hilang. Walau bagaimanapun, jika kegilaan seorang suami itu bersifat sementara (*muaqqatah*), maka lafaz tersebut hanya akan jatuh ketika akalnya berada dalam keadaan waras. Jika lafaz tersebut diucapkan ketika pihak suami dalam keadaan gila, maka lafaz itu tidak jatuh. Pengecualian yang sama juga berlaku kepada orang yang sedang tidur yakni mengigau, melatah, sawan atau pitam kerana kelayakan mereka telah hilang dalam keadaan ini (al-Syafi'i, 2001). Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*Setiap talaq yang dijatuhkan itu diterima melainkan jika ia dijatuhkan oleh orang bodoh atau orang yang hilang kewarasan.*

*(Riwayat al-Tirmidhi)*

Jika pasangan normal bersedia mempelajari bahasa isyarat yang digunakan oleh pasangan mereka, jurang masalah komunikasi dapat dikurangkan tetapi jika pasangan biasa tidak mempelajari bahasa yang digunakan oleh pasangan, perkara boleh menjadi rumit, menyebabkan pasangan tidak dapat melaksanakan tanggungjawab masing-masing dengan baik disebabkan ketidak keberkesanan komunikasi di antara mereka. Malah, pasangan juga tidak dapat menjalani kehidupan berkeluarga seperti pasangan biasa yang lain (Mariam, 2017). Oleh sebab itu, kebiasannya komuniti pekak memilih untuk berkahwin dalam kalangan mereka juga sebagai jaminan keberkesanan dan keselesaan berkomunikasi dalam rumahtangga. Walau bagaimanapun, masalah tetap akan timbul jika pasangan OKU pendengaran masih tidak dapat berkomunikasi dengan gaya bahasa isyarat yang sama sehingga menyebabkan mereka berhadapan dengan masalah komunikasi dalam menyampaikan sebarang mesej dalam kehidupan berumahtangga. Contohnya, suami menggunakan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) manakala isteri menggunakan bahasa isyarat konvensional (Susana, 2016). Keadaan boleh menjadi lebih rumit jika pasangan gagal memahami maksud sebenar mesej yang hendak disampaikan oleh pasangannya dan akan mengakibatkan konflik yang berpanjangan dalam rumahtangga sehingga membawa kepada pengaduan masalah dan perceraian di mahkamah syariah. Sekiranya berlaku keadaan sedemikian, mahkamah syariah tidak ada pilihan lain melainkan meminta pihak-pihak membawa jurubahasa isyarat (JBI) supaya segala bentuk prosiding boleh diteruskan kecuali mahkamah syariah sendiri mempunyai pakar yang dikhatusukan di mahkamah bertindak sebagai JBI untuk membantu pihak-pihak daripada komuniti OKU pendengaran (Noor Afiqah, 2021).

### **Pengesahan Lafaz Cerai Dalam Kalangan OKU Pendengaran**

Secara umumnya, mana-mana pasangan suami isteri yang hendak bercerai mestilah mengikut prosedur seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 47 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Selangor Tahun (EUKIS) 2003 dengan mendapat kebenaran hakim terlebih dahulu

sebelum pihak suami melafazkan cerai. Walau bagaimanapun, dalam kebanyakan kes di mahkamah syariah, lafaz cerai berlaku di luar mahkamah dan tanpa kebenaran mahkamah. Ini menyebabkan berlaku kesukaran di pihak mahkamah untuk menentukan kesahan sesuatu lafaz cerai. EUKIS Tahun 2003 telah memperuntukkan undang-undang berkaitan kedudukan lafaz cerai luar mahkamah dan keperluan siasatan pihak mahkamah terhadap status lafaz tersebut. Seksyen 57 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Selangor Tahun 2003 memperuntukkan:

- 1) Walau apa pun seksyen 55, seseorang yang telah menceraikan isterinya dengan lafaz talaq di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah, hendaklah dalam masa tujuh hari dari pelafazan talaq itu melaporkan kepada Mahkamah.
- 2) Mahkamah hendaklah mengadakan siasatan untuk memastikan sama ada talaq yang dilafazkan itu adalah sah mengikut Hukum Syarak.
- 3) Jika Mahkamah berpuas hati bahawa talaq yang telah dilafazkan itu adalah sah mengikut Hukum Syarak, maka Mahkamah hendaklah tertakluk kepada seksyen 125-
  - a) Membuat perintah membenarkan perceraian dengan talaq;
  - b) Merekodkan perceraian itu; dan
  - c) Menghantar Salinan rekod itu kepada Pendaftar yang berkenaan dan kepada Ketua Pendaftar bagi pendaftaran.

Undang-undang keluarga Islam di Malaysia (rujukan khusus dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Selangor Tahun 2003/EUKIS) tidak mempunyai sebarang peruntukan khusus berkaitan dengan golongan OKU. Oleh yang demikian, sekiranya kes tuntutan pengesahan lafaz ceri dibuat oleh golongan OKU, maka prosiding yang sama akan digunakan seperti tuntutan golongan normal.

Walaupun segelintir pasangan OKU pendengaran berhadapan dengan masalah rumah tangga dan konflik kekeluargaan, kes-kes yang difailkan oleh komuniti tersebut amatlah sedikit. Namun ini tidak bermakna senario tersebut tidak signifikan kerana komuniti mereka sepatutnya dibantu oleh mana-mana pihak bagi mengurangkan risiko perpecahan institusi kekeluargaan mereka serta implikasi-implikasi berkaitan. Kes-kes kekeluargaan dalam kalangan OKU pendengaran hanya dibawa ke mahkamah syariah sekiranya mereka mendapat bantuan jurubahasa isyarat dalam kalangan rakan mereka atau kenalan atau pihak yang bersedia mendengar permasalahan mereka menggunakan bahasa isyarat (Azizah et al, 2022). Undang-undang keterangan mahkamah syariah menyediakan panduan atau peraturan berkaitan kesahan atau penerimaan jenis-jenis keterangan semasa pendengaran atau perbicaraan. Undang-undang tersebut juga memberikan panduan tentang kebolehterimaan bentuk-bentuk keterangan di mahkamah syariah seperti keterangan saksi, keterangan dokumen, keterangan pakar, *iqrar*, kesaksian atau *syahadah*, *qarinah* dan sumpah. Walau bagaimanapun, tidak ada peruntukan khusus berkaitan keterangan yang melibatkan pihak-pihak terdiri dari OKU pendengaran melainkan status keterangan saksi bisu sebagai keterangan *bayyinah*, bukan *syahadah* seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 84 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003.

- 1) Seseorang saksi yang tidak dapat bercakap oleh memberikan *bayyinahnya* mengikut apa-apa cara yang menjadikannya boleh difahami seperti dengan tulisan atau dengan isyarat.

2) *Bayyinah* yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah diberikan di dalam Mahkamah terbuka.

Peruntukan di atas telah menjelaskan bahawa apa-apa keterangan yang disampaikan oleh orang yang bisu perlu kepada keterangan sokongan lain bagi meyakinkan pihak mahkamah kerana statusnya yang hanya diterima sebagai *bayyinah* (keterangan biasa). Pengesahan mana-mana jurubahasa isyarat mungkin boleh mengesahkan status bahasa isyarat yang disampaikan dalam mana-mana keterangan bagi membantu mahkamah memahami fakta kes keseluruhan kes termasuk kes pengesahan lafaz cerai luar mahkamah. Keterangan dokumen juga boleh menjadi keterangan sokongan kepada mana-mana keterangan dari pihak-pihak OKU pendengaran sekiranya lafaz cerai tersebut mungkin disampaikan melalui sebarang peranti elektronik dengan syarat keterangan tersebut diperiksa terlebih dahulu sebelum diterima oleh hakim.

## KESIMPULAN

Golongan OKU pendengaran merupakan golongan yang tidak terkecuali dalam menghadapi isu konflik rumah tangga apabila mereka mendirikan rumah tangga sama seperti golongan normal. Walau bagaimanapun, golongan ini perlu dilihat sebagai golongan yang perlu diberikan sokongan dan maklumat berkaitan pengurusan konflik serta perundangan keluarga Islam supaya kes kekeluargaan yang berlaku dalam kalangan mereka dapat dibantu dengan kaedah yang sesuai sama ada di peringkat rundingcara kekeluargaan atau di peringkat prosiding mahkamah. Oleh sebab perkhidmatan jurubahasa isyarat belum dioptimumkan di mahkamah syariah, satu pendekatan terbaik perlu dilakukan dalam proses mengesahkan status lafaz cerai dari pasangan OKU pendengaran yang berlaku di luar mahkamah. Pembuktian merupakan aspek paling penting untuk mengenalpasti kebenaran fakta lafaz cerai yang berlaku di luar mahkamah sama ada perlu dibuktikan secara pengakuan pihak-pihak dengan menggunakan bahasa isyarat atau melalui mana-mana saksi yang boleh menyokong kes. Malah, bahasa isyarat yang digunakan oleh pasangan tersebut juga perlu mendapat pengesahan dari pakar bahasa isyarat ataupun jurubahasa isyarat rasmi supaya keputusan mahkamah tidak dipertikaikan oleh mana-mana pihak. Penggunaan bukti dokumen boleh menjadi keterangan sokongan kepada mana-mana dakwaan berlakunya lafaz cerai luar mahkamah. Pihak mahkamah perlu berhati-hati dalam menerima sebarang bentuk keterangan berkaitan status lafaz cerai luar mahkamah bagi mencapai maksud keadilan yang menjadi matlamat sistem kehakiman Islam. Selain daripada itu, golongan OKU perlu didekah dengan maklumat berkaitan pengurusan konflik rumah tangga melalui kursus praperkahwinan khusus untuk OKU pendengaran secara wajib dengan bantuan fasilitator dan jurubahasa isyarat yang berkelayakan.

## RUJUKAN

- Abdullah Yusoff, C. R. (2017). Memahami Kecacatan Bahasa Dan Komunikasi. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Akta Orang Kurang Upaya. (2008).

- Azizah Mohd Rapini, N. D. (2022). Golongan Orang Kelainan Upaya (Oku) Pendengaran Di Mahkamah Syariah: Tinjauan Terhadap Prosiding Berkeperluan Khas. 6th Muzakarah Fiqh & International Conference, 61.
- Azman Ab Rahman, A. S. (2018). Isu Fiqh Munakahat Golongan Orang Kurang Upaya: Satu Analisis Hukum. 4th Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference, 159-170.
- Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) (2003).
- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) (2003).
- Mariam, S. Y. (2020). Pendekatan Mengurus Konflik Dalam Rumahtangga Bermadu: Jurnal Al-Irsyad. Vol.5 No.1.
- Marziah, R. N. (2018). Pengukuran dan Peramal Perkahwinan Berkualiti: Journal of Education and Social Sciences, Vol.9 Issue 1.
- Noor Afiqah Che Mustafa, Z. N. (2021). Faktor Pembubaran Perkahwinan di antara Pasangan OKU Pendengaran Di Mahkamah Syariah Negeri Melaka: Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs, 52.
- Norsaadah Bt Din, H. T. (2019). Hubungan Sosial Masyarakat terhadap Orang Kurang Upaya di Malaysia: Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah. Vol 6 Bil, 279-291.
- Hajjah Siti Fatimah. (2000). Orang Kurang Upaya (OKU) dari Perspektif Islam. Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Susana Barbosa, S. C. (2016). *Deafness In Family Relationship: A Study On The Interactions Between Mother, Child And Maternal Grandmother: The Journal of Education, Culture, and Society*, 230-243.